

**PENCARIAN BAHAN CAKERA PADAT (CP) BAGI
PROJEK MENDEPOSIT TESIS TAHUN 2011 & KE
BAWAH - PEMINJAMAN CAKERA PADAT TESIS
(SIMBOL 'RA') DARI USK, PSZJB**

1 HINGGA 9 MAC 2023

PENERANGAN PROJEK

- ▶ Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) telah merancang untuk melaksanakan projek mendeposit tesis tahun 2011 dan ke bawah. Projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2023 sebagai menyokong kepada usaha mendapatkan sumber bahan untuk dideposit ke dalam sistem DMS dan UTM-IR. Justeru itu, fokus awal adalah untuk meminjam cakera padat tesis (terdapat simbol 'ra') yang ditempatkan di Kaunter Media, PSZJB untuk dimuat naik ke sistem DMS terlebih dahulu, diikuti dengan UTM-IR. Aktiviti pendepositan ini akan dilaksanakan di stesen kerja staf URD, PRZS.
- ▶ Hasil semakan rambang mendapati terdapat beberapa judul tesis 2011 yang telah ada di dalam sistem DMS dan sebahagiannya masih belum ada, oleh itu pihak URD mengambil keputusan untuk menyemak semua CP tahun 2011 dan ke bawah secara berperingkat untuk melengkapkan rekod bahan tesis di dalam sistem DMS. Fokus projek ini untuk tahun 2023 adalah CP tesis tahun 2011 sahaja, namun jika dapat diselesaikan segera, pihak URD akan melanjutkan juga kepada CP tahun 2010 dan seterusnya.
- ▶ Untuk memastikan kekesanan bahan tidak terjejas, perbincangan awal antara pihak URD dan USK (PSZJB) juga telah bersetuju untuk melaksanakan proses kemaskini status bahan di sistem Ocean dan penjanaan senarai bahan CP yang dibawa keluar ke PRZS sebagai rekod rujukan kedua-dua Unit kelak. Status yang akan digunapakai semasa bahan CP ini sedang dalam proses di URD adalah **Digitization Process**, dan akan dikemaskini semula kepada **Available** selepas selesai proses pendepositan untuk dikembalikan semula ke USK, PSZJB.

PROSES KERJA

► 26 Feb 2023

Menerima e-mail (senarai CP yang terlibat di dalam Bilik Media)


Pihak USK akan menjalankan Projek Peminjaman Cakera Padat Tesis (Simbol 'RA') bermula 1 Mac 2023 (Rabu) sehingga 9 Mac 2023 (Khamis).

Projek ini akan dibuat oleh semua kumpulan di Unit Sirkulasi.

► 1 Mac 2023

Projek pencarian bahan CP yang tersenarai ditangguh sementara atas masalah teknikal

► 8 Mac 2023 - Projek Pencarian Bahan CP bermula



Senarai CP yang di terima oleh setiap kumpulan melalui e-mail



Penyediaan kotak untuk proses pengasingan CP yang telah disenaraikan di Bilik Media




Pencarian Bahan oleh Kumpulan A,B,C dan D

► 9 Mac 2023 - Projek Pencarian Bahan CP Tamat



Pencarian Bahan oleh Kumpulan A,B,C dan D

Nota: Terdapat juga bahan yang tidak dijumpai semasa proses pencarian dibuat.



Senarai CP yang di jumpai semasa semakan dibuat diasingkan dan diletakkan didalam kotak yang telah disediakan.

- Proses Melabel Kotak yang terlibat dalam pencarian bahan CP sebelum dihantar ke Unit Repositori & Dokumen Digital (URD).

